

**Tiga Tema Hari Kebangsaan Bukti Pembangkang Tidak Sepakat - Ahmad Maslan  
Bernama  
8 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 8 Ogos (Bernama) -- Penggunaan tema hari kebangsaan berbeza oleh empat negeri yang ditadbir pembangkang membuktikan mereka tidak mampu mencapai kata sepakat walau dalam perkara kecil.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan berkata mereka tidak akan mampu bersepakat walaupun 'tidur sebantal' kerana masing-masing 'berlainan mimpi'.

"Mereka adalah pakatan tidak sepakat bukan pakatan rakyat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 110 penduduk miskin, orang kurang upaya dan ibu tunggal di Kampung Bukit Lanchong, di sini, Selasa malam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali semalam bahawa negeri yang ditadbir pakatan akan menggunakan tiga tema sambutan hari kebangsaan.

Pulau Pinang dan Selangor akan menggunakan tema "Sebangsa, Senegara, Sejiwa", Kelantan dengan tema "Menerajui Perubahan" dan Kedah "Terus Berbakti".

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686416>





